

# Agenda luar ditentang habis-habisan — PM

UM 2 1 JUN 2000

Daripada  
OTHMAN MOHAMAD

**K**AHEKAH 20 Jun — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Malaysia akan terus menenteng habis-habisan scharang agenda luar, demi mempertahankan kemerdekaan dan kemakmuran rakyatnya.

Dalam menghadapi globalisasi, Perdana Menteri memberi jaminan kerajaan akan tetap memastikan kehidupan rakyat lebih sejahtera serta terus bebas daripada cengkaman asing.

Katanya, kejayaan Malaysia membina semula ekonomi mungkin tidak bertahan lama tetapi Malaysia tidak rela disogok dengan idea, idrologi dan slogan tertentu tanpa menelitinya secara mendalam.

"Seperti mana kebebasan mutlak membawa kepada anarki, begitulah juga globalisasi mutlak

boleh membawa kepada kekalutan seperti berlaku krisis kewangan baru-baru ini.

"Malaysia mempunyai pengalaman globalisasi modal dan kami hampir musnah dengannya.

"Namun, dengan kaedah-kaedah sendiri, kami mampu mempertahankan diriserta memhina semula ekonomi kami," katanya semasa menyampaikan ucapan di Pusat Pengajian Asia, Universiti Kaherah di sini hari ini.

Universiti itu adalah antara yang terkemuka di benua Afrika, dan ditubuhkan pada tahun 1908 atas gesaan pemimpin nasionalis Mostafa Kamel.

Dr. Mahathir adaiah satu-satunya pemimpin Kumpulan 15 Negara Memhangun (G-15) yang diberi penghormatan oleh mana-mana pusat pengajian tinggi Mesir untuk memberi pandangan, sejourus setelah berakhirnya Persidangan Kemuncak

G-15 selama dua hari di sini.

Timbalan Pengarah Pusat Pengajian Asia, Universiti Kaherah, Dr. Ibrahim Arafat menyifatkan kesediaan Dr. Mahathir memberi ucapannya amat bermakna kepada universiti itu dan pihaknya sungguh berbangga.

## Manfaat

Perdana Menteri seterusnya berkata, proses globalisasi di Malaysia sekurang-kurangnya mestilah dalam konteks terma-terma Malaysia yang diasaskan kepada keutamaan dan keadaan tertentu supaya semua pihak beroleh manfaat samaada pelabur asing mahupun rakyat Malaysia.

"Kita perlu sentiasa pragmatik dan anjal, bukannya terikat kepada fahaman (dogmatik) dalam mengejar globalisasi," tegasnya.

Dalam ucapannya, Dr. Mahathir menghuraikan

bahawa Malaysia terlepas daripada penyangak-penyangak asing apabila ia tidak tertakluk kepada Dana Kewangan Antarabangsa (IMF) tetapi kini wujud srrangan baru.

"Serangan datang dari arah lain. Globalisasi dan teknologi maklumat (IT) menjadikan syarikat-syarikat tempatan tidak mampu bersaing dan kegagalan mereka akan membawa kepada pengambilalihan asing," jelasnya.

Dr. Mahathir jugamenegaskan Malaysia berusaha gigih mencari kaedah terbaik untuk menepis serangan-serangan baru itu.

Kata Perdana Menteri, alat propaganda Barat mampu menjadikan seseorang berasa hersalah jika ia tidak menerima idea dan ideologi baru ciptaan negara kaga.

Yang sebenarnya, kata beliau, untuk membolehkan mereka mempunyai lebih banyak kelrbihnn ke atas negara-negara miskin.

"Demokrasi, pasaran be-

bas, dunia tanpa sempadan, liberalisasi hak-hak pekerja dan buruh kanak-kanak serta banyak lagi dicipta oleh nega a-negara kaya dan kemudian diguna pakai ke atas negara miskin.

"Kita mesti mengelak daripada penganiayaan 'pasaran bebas', yang menyaksikan kuasa datangnya bukan dari laras senapang tetapi; sebenarnya dari buku pemeriksa kira-kira," tegas Perdana Menteri.

Beliau menambah Malaysia tidak menerima pandangan bahawa disiplin pasaran tiada cacat celanya kerana pasaran tidnk sempurna dan mempunyai kecenderungan yang kuat untuk *over-react* serta tertakluk kepada manipulasi

Sambil bertanya apakah pasaran bebas wujud jika ia dikuasai oleh negara kaya, Dr. Mahathir menjelaskan adalah tidak adil untuk mengharapkan negara-negara membangun melonggar serta mengetepikan perlindungan sempadan

mereka, serentak dengan negara-negara maju.

Ini kerana, katanya, negara-negara industri mengambil masa lebih 100 tahun untuk mencapai tahap kemajuan mereka sekarang, sebelum mereka mencadangkan agar diguna pakai globalisasi dan liberalisasi.

Dalam ucapannya itu, Perdana Menteri turut menghuraikan bagaimana Malaysia secara bcrani mengambil langkah sendiri berusaha keluar daripada

krisis ekonomi dan kewangan yang melanda pada tahun 1997, sekalipun dikritik hebat oleh banyak pihak.

Krisis kewangan Asia, katanya, telah menimbulkan gesaan supaya struktur kewangan sejagat disusun semula dan IMF yang diktakan penjaga sistem kewangan antarabangsa dikritik hebat.

Jelasnya lagi, alasan kepada kegagalan IMF berfungsi di Asia adalah ekor-an kegagalannya mengenal

pasti masalah sebenar di Asia dan ia membawa pula kepada penggunaan kaedah yang serupa seperti digunakan dalam menangani masalah di Amerika Latin sebelumnya.

Kesilapan lain dalam penilaian IMF, katanya, ialah kurang memahami kaitan rapat antara pertukaran asing dan pasaran saham, yang boleh saling memberi kesan kepada penurunan kadar pertukaran serta nilai harga saham. — Utusan